



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI**

**Y.B. TIMBALAN MENTERI**

**Y.BHG. KSU**

**Y.BHG. TKSU (PDN)**

**Y.BHG. TKSU (PPP)**

**SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**5 MEI 2023 (JUMAAT)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**5 MEI 2023 (JUMAAT)**

## 120 kilogram gula habis terjual tidak sampai sehari

**Kuala Nerus:** Masalah ketiadaan gula di pasaran di daerah ini masih berlaku apabila kebanyakan kedai runcit dan pasar raya kehabisan bekalan terbahit.

Tinjauan ke beberapa kedai runcit dan pasar raya di sekitar daerah ini mendapati ruang pameran gula kosong sekali gus memberi ke-  
risauan bukan saja kepada peniaga, malah pengguna.

Peniaga kedai runcit, Maziah Mazlan, 38, berkata, kali terakhir dia memperoleh bekalan gula adalah tiga hari lalu sebanyak 120 kilogram (kg) daripada pemborong.

Menurutnya, bekalan itu dijual tidak sampai sehari apabila orang ramai yang kebanyakan datang ke kedai mendapatkan gula dan perkara itu tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Saya mengehendkan pembelian dua kilogram bagi seorang pembeli dan beka-

lan ini tidak bertahan lama apabila tidak sampai sehari habis terjual.

"Saya cuba dapatkan bekalan baru daripada pemborong pagi tadi (semalam), namun gagal kerana mereka juga mendakwa sudah kehabisan stok," katanya ketika ditemui di kedainya Kampung Wakaf Tengah di sini, semalam.

Pekerja pasar raya yang mahu dikenali sebagai Kak Na, 37, berkata, gula habis dijual malam kelmarin dan tidak mengetahui bila bekalan dihantar.

"Saya tidak tahu hari apa bekalan ada semula kerana stor penyimpanan barangan juga kehabisan buat masa sekarang," katanya.

Pekerja kedai runcit, Ainatul Najihah Azam, 22, berkata, 100kg dijual dan habis sebelum operasi kedai ditutup jam 6 petang.

"Kebanyakan pengguna

yang datang ke kedai mencari gula dan kami jual dua kilogram sahaja kepada seorang pembeli," katanya.

Sementara itu, pengusaha kantin sekolah di daerah ini, Mastima Harun, 43, berkata, dia kini kehabisan stok dan cuba mendapatkan di beberapa kedai runcit, namun tidak berhasil.

"Saya bernasib baik sekolah cuti hari ini (semalam) dan hari minggu. Jadi, dalam tempoh cuti ini, saya menjelajah mencari bekalan," katanya yang memerlukan 15kg untuk seminggu sesi persekolahan.

Kelmarin, media melaporkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan masalah ketiadaan gula baru-baru ini tidak berlaku terutama di Kelantan dan Terengganu dengan pelancaran Ops Manis.



KETUA Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Azman Adam (kiri) ketika meninjau bekalan gula putih menerusi Ops Manis di sebuah gudang di Kawasan Perindustrian Gong Badak. Operasi khas itu dilancarkan selama seminggu bertujuan menangani isu kekurangan bekalan gula di Kelantan dan Terengganu.

**Puchong:** Rahsia gudang dilengkapi tempat tinggal dan kamera litar tertutup (CCTV) membongkar aktiviti sindiket penyelewengan diesel dipercayai aktif sejak enam bulan lalu di Kampung Sri Aman, di sini, kelmarin.

Dalam serbuan jam 12.30 tengah hari, sepasukan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor turut merampas 63,000 liter diesel subsidi bernilai RM135,557.

Pengarah KPDN Selangor, Mohd Zuhairi Mat Radey berkata, dalam operasi itu, pasukan menemui berapa keping resit pembelian diesel secara berulang dari-

## KPDN serbu gudang rahsia seleweng diesel RM135,557



*Tiada tangkapan dibuat kerana kesemua ahli sindiket sempat melarikan diri*

Mohd Zuhairi

pada sebuah stesen minyak yang sama.

Menurutnya, pihaknya melakukan serbuan hasil ri-

sikan selama sebulan susulan aduan awam dan sindiket itu dipercayai sudah beroperasi selama enam bulan.

"Premis tanpa nama itu dianggarkan berkeluasan 464 meter persegi (m) dipercayai disewa oleh sindiket bagi menyukarkan kesan pihak berkuasa.

"Tiada tangkapan dibuat kerana kesemua ahli sindiket sempat melarikan diri semasa serbuan berikutan premis itu dilengkapi CCTV.

"Kita merampas dua tangki gelongsor (27,000 liter), 15 unit tangki plastik (1,000 liter) dan sebuah pacuan empat roda yang diubah suai," katanya.

Katanya, sindiket terbabit menggunakan pacuan empat roda dilengkapi tangki fiber mampu dengan isi padu 1,500 liter dan pam khas yang diubah suai dipercayai untuk membeli diesel di stesen minyak berhampiran melebihi had dibenarkan.

"Kita sedang menjalankan siasatan pembabitn pengusaha stesen minyak dengan aktiviti penyelewengan ini," katanya.

Sementara itu, Mohd Zuhairi berkata, pihaknya berjaya menyelamatkan diesel bersubsidi bernilai RM2.5 juta daripada diseleweng sindiket sepanjang tahun ini.

Katanya, KPDN Selangor menjalankan 14 serbuan dalam Op Tiris di seluruh negeri itu bermula Januari sehingga Selasa lalu.

"Kita sedang mempergiatkan Op Tiris termasuk aktiviti risikan supaya tindakan lebih efisien dapat dijalankan bagi membanteras kegiatan itu," katanya.





## 1,150 liter petrol, diesel bersubsidi dirampas

**Padang Besar:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas 1,150 liter petrol dan diesel bersubsidi bernilai RM13,457.50 pada dua serbuan berasingan di sebuah kawasan lapang di Jalan Wang Kelian di sini, jam 11.15 pagi kelmarin.

Pengarah KPDN Perlis Norazah Jaapar berkata, pada Op Tiris itu juga, seorang remaja lelaki berusia 17 tahun turut ditahan bagi membantu siasatan kes penyelewengan bahan api berkenaan.

"Pada serbuan di lokasi pertama, kami mendapati, pekerja sindiket sedang menyedut diesel daripada tangki tambahan kereta menggunakan pam penyedut.

"Pemeriksaan lanjut menemukan kira-kira 1,000 liter diesel bernilai RM7,850," katanya pada kenyataan semalam.

Norazah berkata, pada serbuan di lokasi kedua, pihaknya menemukan 150 liter petrol serta sebuah kereta yang dilengkapi tangki minyak tambahan dengan nilai rampasan kira-kira RM5,607.50.

"Taktik digunakan sindiket ialah sindiket akan menggunakan kereta bernombor pendaftaran tempatan untuk mengisi bahan api itu di beberapa stesen minyak.

"Bahan api itu kemudian dibawa ke kedua-dua lokasi serbuan sebelum dijual kepada kenderaan berpendaftaran Thailand," katanya.



ANTARA tong diesel dirampas yang cuba diseleweng kepada kenderaan Thailand. - Gambar IHSAN KPDN PERLIS

## 7,200 liter diesel subsidi disita

**Port Dickson:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sembilan dengan kerjasama polis menyita 7,200 liter diesel subsidi menerusi Op Tiris selepas menyerbu sebuah premis di Site C Tanah Merah, Port Dickson, kelmarin.

Pengarahnya, Muhammad Zahir Mazlan, berkata dalam serbuan jam 9 malam, pihaknya turut merampas dua lori, sebuah lori tangki, telefon bimbit serta peralatan yang digunakan untuk aktiviti penyelewengan itu dengan keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM195,480.

"Pemeriksaan ke atas premis mendapati terdapat dua lelaki tempatan dipercayai pekerja sedang memindahkan diesel bersubsidi dari tangki kepala lori ke tangki lori treler.

"Lelaki berkenaan kemudian ditahan untuk membantu siasatan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi mengenal pasti rangkaian bekalan minyak diesel bersubsidi yang terbabit dalam kes ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Di Padang Besar, KPDN merampas 1,150 liter petrol dan diesel bersubsidi, dipercayai diseleweng bernilai RM13,457.50 dalam dua serbuan di kawasan tanah lapang, Jalan Wang Kelian di

sini, kelmarin.

Pengarah KPDN Perlis, Norazah Jaapar, berkata serbuan Ops Tiris itu dilakukan jam 11.15 pagi dengan tujuh anggota yang membuat risikan sejak beberapa minggu lalu.

"Di lokasi pertama, sebuah kereta dikesan menyedut keluar bahan api disyaki diesel dari tangki tambahan kereta itu menggunakan pam penyedut minyak beserta hos masuk ke dalam tong.

"Pemeriksaan menemui kira-kira 1,000 liter diesel dianggar bernilai RM7,850," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dalam serbuan itu, katanya, seorang remaja lelaki tempatan berusia 17 tahun yang berada di lokasi serbuan turut ditahan.

"Suspek mengaku mengambil upah dalam kegiatan penyelewengan diesel dan dia ditahan bagi membantu siasatan.

"Kita turut menyita tong, pam penyedut minyak, paip getah penyedut minyak dan kereta yang mempunyai tangki tambahan," katanya.

Norazah berkata, serbuan di lokasi kedua membawa kepada penemuan 150 liter petrol dalam tong bersama peralatan untuk penyelewengan petrol.

"Nilai rampasan di lokasi kedua dianggarkan berjumlah RM5,607.50," katanya.



Anggota KPDN Perlis menyerbu satu kawasan di Jalan Wang Kelian, Padang Besar dan merampas diesel yang cuba diseleweng, semalam.

(Foto ihsan KPDN Perlis)



Padah jual diesel dan petrol bersubsidi kepada kenderaan plat Thailand

## Dua 'stesen minyak haram' diserbu

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR

**PADANG BESAR** – Dua 'stesen minyak haram' yang menjual bahan bakar bersubsidi kepada kenderaan asing diserbu sepasukan penguat kuasa Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Wang Kelian, di sini kelmarin.

Pengarah KPDN Perlis, Norazah Jaapar berkata, kegiatan penyelewengan petrol dan diesel bersubsidi itu dibongkarkan menerusi Ops Tiris yang dijalankan di kawasan tanah lapang di situ.

Serbuan pada pukul 11.15 pagi itu dibuat hasil risikan sejak beberapa minggu lalu.

"Dalam serbuan di lokasi pertama, kami mendapati sebuah kereta sedang menyedut diesel dari tangki tambahan menggunakan pam penyedut dan hos untuk dimasukkan ke dalam tong dram.

"Terdapat 1,000 liter diesel bersubsidi di dalamnya," katanya



**KPDN Perlis merampas sebuah kereta dengan tangki diubah suai bagi tujuan menyeleweng diesel dan petrol dalam serbuan di Wang Kelian, Padang Besar kelmarin.**

dalam kenyataan semalam.

Menurut beliau, seorang remaja lelaki tempatan berusia 17 tahun yang berada di lokasi serbuan mengaku mengambil

upah menjalankan kegiatan penyelewengan diesel. Dia ditahan untuk membantu siasatan.

Jelas Norazah, kesemua minyak diesel, tong dram, pam penyedut

minyak, paip getah penyedut minyak, kereta yang dilengkapi tangki tambahan dirampas. Nilai rampasan dianggarkan RM7,850.

Di lokasi serbuan kedua, pihak



**KERATAN Kosmo! 2 Mei 2023.**

berkuasa menemui 150 liter petrol dalam tong dram bersama peralatan lain yang digunakan untuk kegiatan penyelewengan.

"Sebuah kereta yang mempunyai tangki tambahan dijumpai di lokasi sama," katanya.

Mengikut modus operandi, kenderaan tempatan digunakan untuk membeli diesel dan petrol di stesen minyak di Perlis sebelum dijual kepada kenderaan Thailand.

Setakat ini, KPDN Perlis menjalankan siasatan ke atas 13 kes di bawah Ops Tiris sejak 1 Mac lalu dengan 12 warga tempatan dan tiga warga Thailand disiasat.

## 7,000 litres of subsidised diesel seized

**SEREMBAN:** The Negeri Sembilan enforcement division of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, with the cooperation of the police, confiscated 7,200 litres of subsidised diesel at a premises in Site C Tanah Merah, Port Dickson on Wednesday.

Its director, Muhammad Zahir Mazlan, said in the *Ops Tiris* raid conducted at about 9pm, his team also confiscated two lorries, a tanker, a handphone as well as equipment used to misappropriate the fuel. The value of the seizure was RM195,480.

"During an inspection at the premises, two men were seen transferring the subsidised diesel from the tanker to the lorries (tanks)," he said in a statement yesterday.

He added that the two men were detained under the Control of Supplies Act 1961. - Bernama





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

**5 MEI 2023 (JUMAAT)**

**BERITA ONLINE BERTARIKH 5 MEI 2023**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
5-May	Penduduk lega bekalan gula kembali pulih	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1097028/penduduk-lega-bekalan-gula-kembali-pulih">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1097028/penduduk-lega-bekalan-gula-kembali-pulih</a>	BH
5-May	120kg gula 'licin' tak sampai sehari	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/963178/120kg-gula-licin-tak-sampai-sehari-metrotv">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/963178/120kg-gula-licin-tak-sampai-sehari-metrotv</a>	HM
5-May	KPDN rampas 7,200 liter diesel seleweng	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1096973/kpdn-rampas-7200-liter-diesel-seleweng">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1096973/kpdn-rampas-7200-liter-diesel-seleweng</a>	BH
5-May	KPDN sita 7,200 liter minyak diesel diseleweng	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/kpdn-sita-7200-liter-minyak-diesel-diseleweng/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/kpdn-sita-7200-liter-minyak-diesel-diseleweng/</a>	UM
5-May	N.Sembilan KPDN seizes over 7,000 litres of subsidised diesel in PD	<a href="https://www.thesundaily.my/home/n-sembilan-kpdn-seizes-over-7000-litres-of-subsidised-diesel-in-pd-OL10931780">https://www.thesundaily.my/home/n-sembilan-kpdn-seizes-over-7000-litres-of-subsidised-diesel-in-pd-OL10931780</a>	THESUNDAILY
5-May	KPDN sita 7,200 liter diesel diseleweng	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/04/kpdn-sita-7200-liter-diesel-diseleweng/">https://malaysiagazette.com/2023/05/04/kpdn-sita-7200-liter-diesel-diseleweng/</a>	MALAYSIAGAZETTE
5-May	Residents in Kota Bharu relieved over restored sugar supply	<a href="https://www.thesundaily.my/local/residents-in-kota-bharu-relieved-over-restored-sugar-supply-DL10933347">https://www.thesundaily.my/local/residents-in-kota-bharu-relieved-over-restored-sugar-supply-DL10933347</a>	THESUNDAILY
5-May	Penduduk lega bekalan gula kembali pulih	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/256911">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/256911</a>	SH
5-May	Residents in Kota Bharu relieved over restored sugar supply	<a href="https://bernama.com/en/general/news.php?id=2186126">https://bernama.com/en/general/news.php?id=2186126</a>	BERNAMA
5-May	Dua 'stesen minyak' haram diserbu KPDN	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/04/dua-stesen-minyak-haram-diserbu-kpdn/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/04/dua-stesen-minyak-haram-diserbu-kpdn/</a>	KOSMO